

Rozaidi, Khairi peroleh emas

25 SEP 1990

Oleh RAHIME YUSOF

DUA pesilat negara, Rozaidi Abdul Rahman (Kelas F) dan Khairi Abdul Rahman (D), memenangi pingat emas pada Kejuaraan Silat Sedunia di Amsterdam, Belanda, yang berakhir semalam.

Dua pesilat dari Klang itu yang memenangi pingat emas Sukan SEA XV, menumpaskan musuh tradisi dari Indonesia pada perlawanan akhir.


Malaysia turut meraih empat pingat perak menerusi Zakaria Hamzah (Kelas H), Ahmad Wardi Salim (B), Nazrah Latif (A) dan Zaleha Suradi (E).

Sementara itu, Mazlan Shaari (I) dan Wan Adnan Isa (E) tersingkir pada pusingan awal.

Dengan kejayaan itu, Malaysia menduduki tempat ketiga keseluruhan di belakang Indonesia dan tuan rumah, Belanda.

Pada Kejuaraan Sedunia di Kuala Lumpur dua tahun lalu, Malaysia meraih empat pingat emas untuk tempat kedua di belakang Indonesia.

Setiausaha Pesaka, Rahman Hassan, berkata kejayaan itu cukup membanggakan kerana enam daripada lapan pesilat negara ke kejuaraan itu berjaya ke perlawanan akhir.



■ ROZAIDI... Johan kelas F

Skuad negara ke Belanda dipimpin oleh Haji Abdul Rahim Manan dan jurulatih, Fadzil Ibrahim. Mereka akan tiba ke tanahair Khamis ini.

Bagi kejuaraan kali ini, Malaysia tidak menyenaraikan pasukan penuh kerana masalah kewangan. Tujuh pesilat negara dibayai oleh Majlis Sukan Negara (MSN), manakala Zaleha Suradi ditanggung oleh majikannya, Maybank.

Ganjaran untuk pesilat negara

27 SEP 1990

MAJLIS Silat Negeri Selangor (Masis) sedia mempertimbangkan ganjaran istimewa kepada empat pesilatnya yang mengharumkan nama negara pada Kejuaraan Silat Sedunia di Amsterdam, Belanda, minggu lalu.

Mereka ialah Rozaidi Abdul Rahman (Kelas H) dan Khairi Abdul Rahman (D) yang meraih pingat emas, manakala dua pesilat wanita — Nazrah Latif (A) dan Zaleha Suradi (E) memenangi pingat perak.

B. Harian (M)

Setiausaha Masis, Idris Johari, berkata pihaknya belum memutuskan bentuk ganjaran, tetapi ia pasti istimewa sebagai ganjaran kepada keempat-empat pesilat itu kerana ia bukan saja mengharumkan nama negara, bahkan Selangor.

Idris berkata, kejayaan Khairi cukup membanggakan kerana pesilat itu terpaksa berhenti kerja bagi menampu perhatian kepada latihan silat.

Katanya, Masis akan mengatur sambutan meriah kepada pesilat negara setiba di Lapangan Terbang Antarabangsa dari Belanda, esok.

Silat olahraga gujur di Manila

27 SEP 1990

BEIJING: Silat olahraga digugurkan daripada acara Sukan SEA di Manila tahun depan sememtara taekwondo dan dua sukan baru — wushu dan squash — disenaraikan.

Pemilihan itu diputuskan oleh Persekutuan Sukan SEA yang bermesyuarat semalam. Malaysia diwakili oleh bendahari Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Lum Mun Chak dan ahli exco, Sieh Kok Chi.

Kemasukan tiga acara baru menjadikan jumlah sukan yang dipertandingkan pada kejohanan dua tahun sekali itu kepada 26. Sukan SEA tahun depan dijadual berlangsung dari 24 November hingga 5 Disember.

Silat olahraga pada mulanya digabungkan dengan Arnis — seni mempertahankan diri Filipina — tetapi pegawai pengajur berkata mereka tidak mempunyai persatuan silat atau kepakaran teknikal untuk mengajurkannya.

B. Harian (M)

Silat juga sejenis seni mempertahankan diri yang terkenal di Malaysia dan negara jiran.

Kemasukan taekwondo juga mungkin melegakan Malaysia yang memenangi kesemua 10 pingat emas yang diperlombakan pada Sukan SEA di Kuala Lumpur, tahun lalu.

Squash dipertandingkan kali pertama selepas usaha berterusan pihak Singapura dan Malaysia.

Chef-de-mission Malaysia ke Sukan Asia, Datuk Alex Lee yang juga presiden Persatuan Squash Raket Malaysia (SRAM), menyambut baik kemasukan squash dan berkata pasukan lelaki dan wanita negara mampu sekurang-kurangnya pingat perak.

Wushu yang kali pertama dipertandingkan pada Sukan Asia tahun ini, adalah sejenis seni mempertahankan diri China. Malaysia turut menghantar beberapa wakil ke Sukan Asia. — Bernama.